

JBPM jalankan kajian kenal pasti tempat berisiko di Pulau Pangkor

BH ONLINE | Selasa, 12 November 2019 | 7:22pm



PENGARAH Jabatan Bomba dan Penyelamat Perak, Azmi Osman memeriksa perbarisan pada Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perak, di Meru Raya, Ipoh. NSTP/Abdullah Yusof.

IPOH: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak sedang melaksanakan pelan kajian kawasan bagi seluruh Pulau Pangkor yang akan dijadikan Pulau Bebas Cukai (PBC) menjelang tahun depan.

Pengarahnya, Azmi Osman, berkata kajian itu dijangka siap sepenuhnya pada hujung bulan ini dan akan diusulkan kepada Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu.

Beliau berkata, kajian itu dibuat sebagai menyahut cabaran kesiapsiagaan JBPM sebelum perisytiharan pulau berkenaan sebagai PBC nanti.

“Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti tempat berisiko di Pulau Pangkor, iaitu dari segi kepadatan penduduk dan keberbahayaan yang mungkin timbul.

“Sebagai contoh, berkemungkinan ada kilang atau kedai yang menyimpan bahan kimia, dan kita juga akan mengadakan pemeriksaan di hotel serta sekitar kawasan pantai,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Majlis Perhimpunan Bulanan dan Pemakaian Tanda Pangkat KB22 kepada 342 anggota di Dewan Serba Guna JBPM Perak, Meru Raya, di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Azmi berkata, kajian berkenaan membabitkan aspek keselamatan di keseluruhan kawasan bagi memastikan pelancong berasa selamat untuk ke pulau itu.

“Kajian sedang dijalankan dan apabila siap, kita akan dapat menentukan sama ada keadaan di Pulau Pangkor ini ada risiko atau tidak.